

BULETIN
JABATAN PEMBANGUNAN & PENGURUSAN AKADEMIK
INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN & PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS)

1. PERBINCANGAN PENAWARAN PROGRAM *EXECUTIVE MASTER IN OSH TRAINING* DI iCEPS UiTM

Mesyuarat bersama Dr Nurshamshida Md Shamsudin (Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan UiTM) dan Kapten (Bersara) Salehuddin Abdul Kadir (Pengurus Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar, Emirates Supply Chain Services) telah dijalankan pada **9 April 2021** bersamaan hari **Jumaat** jam **9 pagi** dengan membincangkan pembangunan dan penawaran program baharu iCEPS.





2. KIT SIJIL ANNEX

Kit Sijil Annex telah dibangunkan pada bulan **Mei 2021** bertujuan sebagai bahan rujukan utama pelajar Annex iCEPS Kit ini juga mengandungi berapa bahagian seperti

1. Sinopsis Sijil Annex
2. Syarat Kelayakan
3. Kadar Yuran
4. Carta Alir Sijil Annex
5. Proses Pemberian Sijil Annex
6. Senarai Keseluruhan Kursus Sijil Annex
7. Penggunaan Ufuture & Jadual Waktu Kuliah.
8. Cara Memohon Sijil Annex
9. Hubungi Kami (JPPA) Dan (Pengambilan Pelajar)
10. Tips Belajar Dengan Lebih Efektif
11. Tips Tambahan Pembelajaran Efektif

Setiap satu bahagian tersebut memberikan cukup maklumat kepada pelajar untuk kegunaan sepanjang pengajian mereka bermula dari proses permohonan sehingga tamat pengajian.

<https://online.fliphtml5.com/xbbqx/iviv/>

<https://online.fliphtml5.com/xbbqx/iviv/#.YL8cTWebj8Y.whatsapp>

3. PROFESSIONAL CERTIFICATE IN ADVANCED CYBERSECURITY

Bermula pada **7 Mei 2021** pihak iCEPS sedang giat melaksanakan aktiviti-aktiviti pemasaran dan mempromosikan program ini kepada semua peserta yang berkecualan seperti hebahan di Emel UiTM, Facebook iCEPS, Instagram iCEPS dan juga laman sesawang iCEPS. Aktiviti promosi dan pemasaran ini juga dihebahkan kepada industri-industri di Malaysia iaitu sektor kerajaan mahupun sektor swasta.

Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan berdasarkan daripada pertanyaan orang ramai dan keperluan Industri 4.0. Pihak iCEPS amat mengalu-alukan penyertaan daripada semua warga masyarakat untuk bersama-sama mengikuti program ini bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kerjaya yang diceburi.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institute
Of Continuing
Education &
Professional Studies

PROFESSIONAL CERTIFICATE IN ADVANCED CYBERSECURITY

ENLIGHTEN YOURSELF ON CYBERSECURITY MEASURES.
LET'S JOIN US!

📞 Online Tutorial Session 📞 WhatsApp group

📞 Cik Adibah : 03-5544 8233 (Office) / 019-2708271 (Whatsapp)
📞 En. Aqif : 03-5544 8234 (Office) / 019-6968316 (Whatsapp)
📞 En. Helmy : 03-5544 2609 (Office/Whatsapp)

RM400
PER MODULE

Open
for all
candidate

Age 18
years old
& above

COME AND JOIN US
SCAN FOR REGISTRATION



ICEPSUITM

f ICEPSUITM

📷 ICEPSUITM

☎ 03-5544 8391

iCEPS
INSTITUTE OF CONTINUING
EDUCATION & PROFESSIONAL STUDIES

4. KERJASAMA DENGAN PAKAR INDUSTRI DARIPADA JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP) SERTA WAKIL NIOSH.


Pada **6 Mei 2021** pihak iCEPS merancang untuk menjalinkan kerjasama bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) untuk mendapatkan pengiktirafan sijil dan lantikan wakil JKKP sebagai tenaga pengajar serta wakil pakar daripada NIOSH. Kerjasama ini dapat memberi ruang bagi membangun dan menawarkan Program Eksekutif dan Program Profesional iCEPS UiTM.

5. MESYUARAT SOAL JAWAB MENGENAI *PROFESSIONAL CERTIFICATE* DI UiTM

Mesyuarat soal jawab mengenai program Sijil Profesional pada **28 Mei 2021** bersamaan hari **Jumaat** pada jam **3 petang** telah diadakan secara dalam talian melalui platform Google Meet yang melibatkan pihak iCEPS dan pihak-pihak seperti berikut:

- i. Wakil UiTM Cawangan Pulau Pinang iaitu Ts. Ir. Dr. Samsul Setumin dan Ts. Ir. Abdul Malik Saidina Omar.
- ii. Wakil Politeknik Metro Tasek Gelugor iaitu Pn. Mariati Zabidi dan En. Azarol Faizal.

Perbincangan awal ini adalah untuk merangka program Sijil Profesional dengan kerjasama antara pihak iCEPS dan UiTM Cawangan Pulau Pinang serta Politeknik Metro Tasek Gelugor.







6. PROFESSIONAL DIPLOMA IN HALAL INDUSTRY MANAGEMENT

Pada **31 Mei 2021**, Memorandum Perjanjian (MoA) bagi program *Professional Diploma in Halal Industry Management* di antara Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Cerdik Ilmu Sdn. Bhd. telah ditandatangani oleh pihak industri.

Memorandum Perjanjian (MoA) ini juga telah ditandatangani oleh Ketua Eksekutif iCEPS dan Memorandum Perjanjian (MoA) ini telah dihantar ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) untuk ditandatangani oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor yang menjalankan fungsi Naib Canselor.

7. BOOKLET GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PROFESIONAL iCEPS UiTM

Booklet Garis Panduan Pelaksanaan Program Profesional iCEPS UiTM telah dibangunkan pada bulan **Mei 2021** bertujuan sebagai panduan dan rujukan untuk melaksanakan Program Profesional iaitu dari peringkat Sijil Profesional, Diploma Profesional, Sarjana Muda Profesional dan Sarjana Profesional.



8. PROJEK KERJASAMA YAYASAN PENERAJU

Pada **3 Jun 2021** Jabatan Pembangunan & Pengurusan Akademik ditugaskan untuk menyediakan beberapa program akademik dan profesional yang boleh ditawarkan kepada Yayasan peneraju seperti berikut:

1. *Eksekutif Master in OSH Training*
2. Sarjana Perakaunan Forensik Dan Kriminologi Kewangan
3. Sarjana Muda Pengajian Am (Kepujian)
4. Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) Pengkomputeran Netsentrik
5. Sarjana Muda Sistem Maklumat (Kepujian) Kejuruteraan Sistem Pintar
6. Sijil Profesional Keselamatan Siber Lanjutan (*Advanced Cybersecurity*)
7. *Professional Diploma in Electrical & Electronics Technology*
8. *Professional Diploma in Halal Industry Management*